


BAHAGIAN A - MENGANDUNGI 30 SOALAN OBJEKTIF. JAWAB SEMUA SOALAN.

1. Rajah 1 menunjukkan _____ satu pengelasan haiwan.




Rajah 1

Antara berikut, yang manakah **BETUL** ?

	X	Y
A)	Ayam	Ular
B)	Buaya	Gajah
C)	Kucing	Kura-kura
D)	Tikus	Lembu

2. Rajah 2 menunjukkan kegigian sejenis haiwan.



Rajah 2


Antara yang berikut, yang manakah mungkin makanan haiwan ini ?

- i. Daging
 - ii. Tulang
 - iii. Daun
 - iv. Buah
- A) i dan ii
 - B) ii dan iv
 - C) ii dan iii
 - D) iii dan iv

3. Antara simbol-simbol berikut, yang manakah menunjukkan bahan menghakis ?



C)



4. Alat manakah yang diperlukan untuk melakar dan melabel seekor rama-rama ?
- Pen
 - Pensel
 - Pen dan pemadam
 - Pensel dan pembaris
5. Apakah yang harus dibuat pada tabung uji yang telah dibersihkan dan dikeringkan ?
- Letakkan tabung uji di atas meja murid.
 - Simpan tabung uji di dalam beg sekolah.
 - Susun tabung uji dengan kemas di tempat asal.
 - Susun tabung uji dengan kemas di bawah meja guru.
6. Penyalahgunaan dadah boleh mengakibatkan _____ .
- gangguan tumbesaran
 - ketagihan
 - kerosakan peparu
 - kebuluran
7. Garam mineral dalam badan manusia yang berlebihan disingkirkan melalui
- Air peluh
 - Gas karbon dioksida
 - Air kencing
 - Tinja
- i dan iii
 - ii dan iv
 - i, i dan iii
 - i, ii dan iv
8. Makanan seimbang mengandungi _____ .
- zat makanan yang boleh menggemukkan badan.

- B) kesemua kelas makanan dalam kuantiti dan kadar yang betul untuk mengekalkan kesihatan badan.
- C) protein dan lemak sahaja.
- D) vitamin dan mineral sahaja.

9. Antara berikut, yang manakah berlaku apabila manusia menghembuskan nafas ?


- i. Gas karbon dioksida dibebaskan.
- ii. Udara dibebaskan.
- iii. Dada mengembang.
- iv. Wap air dibebaskan.

- A) i dan iii
- B) ii dan iv
- C) i, ii dan iii
- D) i, ii dan iv

10. Antara haiwan berikut, yang manakah **TIDAK** bernafas melalui insang ?

- A) Jerung
- B) Ketam
- C) Berudu
- D) Lintah

11. Rajah 3 menunjukkan empat jenis haiwan.



Rajah 3

Haiwan yang manakah mempunyai dua organ pernafasan ?

- A) Q dan S
- B) P dan R
- C) P dan S
- D) Q dan R

12. Antara pernyataan yang berikut, yang manakah **BETUL** tentang proses fotosintesis ?

- i. Tenaga cahaya telah diubah kepada tenaga kimia.
- ii. Oksigen diserap oleh tumbuhan.
- iii. Berlaku dengan hanya kehadiran cahaya matahari.

iv. Kanji terbentuk semasa proses fotosintesis.

- A) i dan iii
- B) ii dan iv
- C) i, ii dan iii
- D) i, iii dan iv

13. Apakah bahan sampingan yang dihasilkan oleh tumbuhan semasa proses fotosintesis ?

- A) Air
- B) Oksigen
- C) Karbon dioksida
- D) Cahaya matahari

14. Jadual 1 menunjukkan ketinggian pokok yang disiram dengan kuantiti air yang berbeza setiap hari.

Isi padu air (l)	1	2	3	4
Ketinggian pokok (cm)	4	6	8	10

Jadual 1

Apakah hubungan antara dua maklumat yang dikumpulkan dari jadual?

- A) Semakin banyak air yang disiram, semakin tinggi pokok.
- B) Semakin banyak air yang disiram, semakin rendah pokok.
- C) Semakin sedikit air yang disiram, semakin tinggi pokok.
- D) Semakin sedikit air yang disiram, semakin kecil batang pokok.

15. Rajah 4 menunjukkan seekor haiwan yang hidup di darat.




Rajah 4

Antara yang berikut, yang manakah mempunyai organ pernafasan yang sama seperti haiwan di atas ?

- A) Monyet , penyu dan kerbau.
- B) Kuda , udang dan singa laut.
- C) Ular , beluncas dan cacing.
- D) Lintah , cacing dan katak.

16. Rajah 5 menunjukkan sebatang pokok keembung.



Bahagian berlabel P bergerak balas terhadap _____ .

- A) cahaya matahari
- B) sentuhan
- C) udara
- D) air

17. Apakah yang harus dilakukan dengan batang mancis yang masih bernyala setelah digunakan ?

- A) Campak ke dalam singki.
- B) Buang di bawah meja murid.
- C) Padamkan dengan jari dan buang ke dalam singki.
- D) Padamkan dengan air dan buang ke dalam bakul sampah.

18. Rajah 6 menunjukkan satu kemalangan jalan raya.



Rajah 6

Antara tabiat buruk yang manakah mungkin menyebabkan berlakunya kemalangan ini ?

- i. Merokok
- ii. Meminum alkohol
- iii. Mengambil dadah

- A) i dan iii
- B) ii dan iii
- C) i dan ii
- D) i, ii dan iii

19. Apakah organ pernafasan yang membolehkan katak bernafas di darat dan di air ?

- i. Kulit lembap
- ii. Insang
- iii. Peparu
- iv. Spirakel

- A) i dan iii
- B) ii dan iv
- C) i dan ii
- D) ii dan iii

20. Seorang murid menemui sekeping papan di suatu padang rumput. Apabila papan itu diangkat, dia mendapati rumput di bawah papan itu

berwarna kuning. Apakah **inferens** yang boleh kamu buat tentang rumput tersebut ?

- A) Rumput kekurangan air.
- B) Rumput tidak bertumbuh.
- C) Rumput kekurangan udara.
- D) Rumput tidak menerima cahaya matahari.

21. Apakah yang berlaku apabila manusia menghembuskan nafas ?


- i. Dada naik
- ii. Dada mengempis
- iii. Dada mengembang
- iv. Udara keluar dari peparu

- A) i dan iii
- B) ii dan iv
- C) i dan ii
- D) ii dan iii

22. Pernyataan yang manakah **TIDAK** betul ?

- A) Beluncas bernafas melalui spirakelnya.
- B) Katak menyerap udara melalui kulit lembapnya.
- C) Rama-rama bernafas melalui peparu.
- D) Ikan jerung bernafas melalui insang.

23. Rajah 7 menunjukkan laluan udara semasa menghembuskan nafas.



Antara yang berikut, yang manakah mewakili X dan Y ?

	X	Y
A)	Peparu	Trakea
B)	peparu	Mulut
C)	Trakea	Peparu
D)	Mulut	trakea

24. Rajah 8 menunjukkan ahli keluarga Encik Johnson.



Apakah ciri keturunan yang diwarisi oleh anak-anak mereka ?

- P - Paras rupa
- Q - Warna kulit

R - Jenis rambut

S - Berat badan

- A) P dan Q
- B) P dan R
- C) P, Q dan R
- D) Q, R dan S

25. Jadual 2 menunjukkan suhu sebuah bandar dalam empat hari.

Hari	Suhu (°C)
1	27
2	28
3	27
4	26

Jadual 2

Apakah corak perubahan suhu dalam empat hari yang dikaji ?

- A) Semakin meningkat.
- B) Semakin menurun.
- C) Meningkat dan kemudian menurun.
- D) Menurun dan kemudian meningkat.

26. Makanan seimbang mengandungi _____ .



- A) zat makanan yang boleh menggemukkan badan.
- B) kesemua kelas makanan dalam kuantiti dan kadar yang betul untuk mengekalkan kesihatan badan.
- C) protein dan lemak sahaja.
- D) vitamin dan mineral sahaja.

27. Jadual 3 menunjukkan pertumbuhan pokok kapas dalam empat minggu.


Minggu	1	2	3	4
Ketinggian pokok kapas (cm)	2	4	6	9

Jadual 3


Antara carta palang berikut, yang manakah mewakili maklumat dalam jadual ?




B)



D)



28. Rajah 9 menunjukkan satu eksperimen pemanasan sejenis bahan kimia.





Rajah 9

Antara berikut, yang manakah tindakan yang berbahaya ?

- A) Pakai sarung tangan sebelum memegang bekas yang panas.
- B) Padamkan api selepas menjalankan eksperimen.
- C) Sentuh bekas dengan tangan untuk menguji kepanasannya.
- D) Kacau bahan kimia dengan sebatang sudu.

29. Rajah 10 menunjukkan dua jenis haiwan.



Rajah 10

Antara pernyataan berikut, yang manakah benar tentang haiwan-haiwan tersebut ?

- A) Bernafas menggunakan spirakel.
- B) Bernafas melalui insang.
- C) Bernafas menggunakan peparu.
- D) Membiak dengan melahirkan anak.

30.


- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none"> • Nyamuk • Lalat • Papatung |
|---|

Antara haiwan berikut, yang manakah mempunyai organ pernafasan yang sama seperti haiwan di atas ?

- A) Beruang
- B) Beluncas
- C) Biawak
- D) Ular

BAHAGIAN B - JAWAB SEMUA SOALAN DI TEMPAT YANG DISEDIAKAN.
20 MARKAH

1. Sekumpulan pegawai perubatan telah menjalankan satu penyiasatan di negeri P. Carta palang di bawah menunjukkan keputusannya.



- a) Apakah tujuan penyiasatan ?

(1 markah)

- b) Berdasarkan penyiasatan, nyatakan ;
 i) Apakah yang diubah (pembolehubah manipulasi)?

- ii) Apakah yang diperhatikan (pembolehubah bergerak balas) ?

_____ (2 markah)

- c) Nyatakan corak perubahan bilangan pesakit kanser peparu dari tahun 2009 hingga tahun 2003.

_____ (1 markah)

- d) Berikan **satu** sebab (inferens) untuk jawapan di 3 (c).

 _____ (1 markah)

2. Jadual 1 menunjukkan keputusan satu penyiasatan yang dijalankan terhadap perokok-perokok yang menghisap bilangan rokok yang berbeza setiap hari.

Bilangan rokok yang dihisap setiap hari (batang)	1-5	6-10	11-15	16-20
Peratus perokok yang menghidapi kanser peparu	3	15	25	56

- a) Apakah tujuan penyiasatan ?

 _____ (1 markah)

- b) Nyatakan ;
 i. Pemboleh ubah dimanipulasikan.

- ii. Pemboleh ubah bergerak balas.

_____ (2 markah)

- c) Apakah corak perubahan peratus perokok yang menghidap kanser peparu ?

(1 markah)

3. Jadual 2 menunjukkan bilangan gula-gula yang dimakan oleh empat orang murid setiap hari dan bilangan gigi mereka yang reput.

Murid	Bilangan gula-gula yang dimakan setiap hari	Bilangan gigi yang reput
Mansor	1	0
Manan	3	1
Beng Hui	5	3
Rajan	7	5

- a) Apakah tujuan penyiasatan ini ?

(1 markah)

- b) Nyatakan ;

- i. Pemboleh ubah dimanipulasikan.


- ii. Pemboleh ubah bergerak balas.

(2 markah)

- c) Apakah kesimpulan yang boleh dibuat daripada penyiasatan ini.


(1 markah)

4. Rajah 1 menunjukkan suatu penyiasatan yang dijalankan oleh dua orang murid.



Tumbuh-tumbuhan diletakkan di atas padang. Pemerhatian direkodkan lima hari kemudian.

- a) Lukiskan keadaan tumbuhan X dan tumbuhan Y selepas lima hari.



(1 markah)

- b) Nyatakan **satu** sebab (inferens) untuk jawapan kamu di (a).


(1 markah)

- c) Nyatakan ;
i. Pemboleh ubah dimanipulasikan.

- ii. Pemboleh ubah bergerak balas.

(2 markah)

5. Ramli menjalankan satu penyiasatan tentang kadar pernafasannya ketika dia menjalankan pelbagai jenis aktiviti. Rajah 2 ialah carta palang yang menunjukkan keputusan yang diperolehinya.



- a) Apakah tujuan penyiasatan ini ?

(1 markah)

- b) Nyatakan ;
i. Pemboleh ubah dimanipulasikan.

- ii. Pemboleh ubah bergerak balas.

(2 markah)

Di sediakan oleh ;

Di semak oleh ;

Di sahkan oleh ;

Puan Siti Nurul Elmy
Guru Sains Tahun 4
2014

Puan Mayasari @ Idawanie
Ketua Panitia Sains
2014

En. Mohd Fauzi
GPK Tadbir & Kurikulum
SKIB